

## Industri batik negara jana pendapatan pengusaha

Written by Administrator

Thursday, 03 May 2012 15:25 - Last Updated Monday, 28 May 2012 16:32

---

KUALA LUMPUR: Industri batik Malaysia mampu menjana pendapatan tinggi kepada pengusahanya yang aktif dalam bidang itu.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata, ia terbukti dengan peningkatan bilangan usahawan dan jumlah pasaran pada setiap tahun.

“Berdasarkan rekod, bilangan usahawan batik meningkat daripada 246 pengusaha pada 2004 kepada 604 pengusaha, tahun lalu. “Perkara itu membolehkan jumlah pasaran turut meningkat daripada RM47.2 juta pada 2004 kepada RM89 juta tahun lalu. Kenyataan ini jelas menunjukkan batik semakin diminati ramai,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis ‘A Batik Evening Featuring Miss Tourism International 2010’ di Kompleks Kraf, di sini, kelmarin. Beliau berkata, jualan batik pada Hari Kraf Kebangsaan bagi tempoh tiga tahun bermula 2008 hingga tahun ini adalah yang tertinggi dicatatkan dengan purata peningkatan kira-kira sebelas peratus.

“Antara rangkaian produk popular adalah pakaian siap dan kain pasang. Bagaimanapun, rangkaian produk lain seperti barangan kelengkapan rumah meliputi sarung kusyen dan cenderamata juga mendapat perhatian dan permintaan memberangsangkan,” katanya.

Menurutnya, langkah kerajaan mewajibkan pemakaian baju batik oleh penjawat awam pada setiap Khamis turut menyumbang kepada peningkatan jualan batik.

Hadir sama pada majlis itu ialah isterinya, Datin Seri Masnah Rais; Ketua Setiausaha KPKK, Datuk Kamaruddin Siaraf; Presiden Miss Tourism International, Datuk Danny Ooi; Pengerusi Kraftangan Malaysia, Datuk Zakiah Ahmad dan Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Mohd Kamil Mohd Ali. Majlis diserikan dengan persembahan ‘catwalk’ 56 peserta Miss Tourism International 2010 yang memakai batik dan persembahan tarian oleh penari Istana Budaya. --

<http://www.hmetro.com.my>